


Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran

Rekabentuk Kearah Inovasi

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris*

Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)
& Azahar Harun (PhD)*

Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi

Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'

Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi

Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"

Rosli Zakaria (PhD)

Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop

Azahari Haji Khalip

Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

Zunar dan Kartun

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

Modul Asas Pembuatan Sandal

Ibrahim Othman



Foto oleh:
Wan Nur Khalisah Shamsudin

Jurnal
Inspirasi Seni Intelektual
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka
Julai 2019
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
(FSSR),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel : +606 558 2000.

Atur Huruf oleh / Typeset by
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Nurkhazilah Idris

Reka bentuk kulit dan buku oleh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

Ahli Jawatankuasa Jurnal
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain
Shafirah Shaari
Nurkhazilah Idris

Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Penaung

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

Penasihat

Prof Madya Dr Azahar Harun

Ketua Editor

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

Editor

Wan Nur Khalisah Shamsudin
Nurkhazilah Idris

Pereka Grafik

Wan Nur Khalisah Shamsudin

Reviewer

Prof Madya Dr Azahar Harun
Dr Rosli zakaria
Dr Nadzri Mohd Sharif
Dr Haslinda Abd Razak
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Dr Sharmiza Abu Hassan

Prakata

Bismillahirraahmaniraahim.
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

Dr. Liza Marziana Mohammad Noh

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

Isi Kandungan

i Prakata

ii Isi Kandungan

1 **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran
Rekabentuk Kearah Inovasi**
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris

11 **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**
Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)

16 **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk
Masjid Tengker Melaka**
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

26 **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru
dalam Fotografi**
Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

34 **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

44 **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan
Hang Tuah dan Cin Cu’**
Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi

53 **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**
Rosli Zakaria (PhD)

64 **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

71 **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**
Azahari Khalip

81 **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

96 **Zunar dan Kartun**
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

105 **Modul Asas Pembuatan Sandal**
Ibrahim Othman



Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014

Noor Hafiza Ismail (PhD)
Azni Hanim Hamzah
Mohd Fauzan Mat Sari

Abstrak

Mimbar merupakan satu daripada perkara wajib ada dalam pembinaan masjid. Fungsi utama mimbar sebagai tempat menyampaikan khutbah pada setiap hari Jumaat. Kebanyakan reka bentuk mimbar dibuat bukan sahaja kerana fungsinya tetapi juga menitikberatkan nilai-nilai keindahan seni ukiran yang mempunyai ragam hias pada reka bentuk mimbar tersebut. Persoalannya, bagaimanakah reka bentuk dan reka corak ukiran pada mimbar masjid di Terengganu dihasilkan pada tahun 2009 hingga 2014 dan apakah nilai-nilai keindahan di sebalik ukiran kayu tersebut. Bagi menjawab persoalan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sempurna melibatkan kajian lapangan di Terengganu. Hasil dapatan kajian mendapati reka bentuk ukiran kayu yang dihasilkan menggunakan ukiran silat dan diolah separuh timbul dan tebukan tembus. Seterusnya hasil kajian ini juga mendapati di sebalik reka bentuk dan reka corak ukiran kayu ini tersurat dan tersirat nilai berhalus. Kajian yang dijalankan ini diharap dapat mempertahankan kesenian Islam Melayu dari kepupusan teknologi yang semakin berkembang maju kerana kejayaan sesuatu bangsa bergantung kepada kehebatan seni budaya bangsa.

Kata kunci : Keindahan, ukiran kayu, mimbar, Masjid, Terengganu.

Pengenalan

Perkataan mimbar diperoleh dari perkataan Arab *nabara* yang bermakna yang ditinggikan merujuk kepada manuskrip Tamim Al Dari yang menyatakan tentang mimbar. Mimbar terawal digunakan oleh Rasulullah S.A.W ketika menyampaikan khutbah hanya di atas pohon kurma yang telah dipotong.

Mimbar merupakan salah satu dari komponen binaan utama dalam pembentukan sesebuah masjid. Pembinaan mimbar bertujuan menyampaikan khutbah ketika solat Jumaat dan solat Hari Raya. Saiz mimbar yang dibina bergantung kepada dalaman sesuatu masjid sama ada bersaiz sederhana atau besar. Sehubungan itu setiap mimbar mempunyai saiz dan bentuk yang berbeza bagi mengimbangi ruangan sesebuah masjid.

Sehubungan itu mimbar bukan sahaja berbeza saiz tetapi reka bentuknya. Ini kerana saiz ruangan di dalam masjid memainkan peranan penting kepada pembentukan mimbar. Terdapat mimbar yang tinggi, sederhana dan rendah. Saiz ini pula dipengaruhi oleh reka bentuk sesuatu mimbar itu sendiri di mana terdapat mimbar yang mempunyai tangga yang banyak atau sedikit. Terdapat juga mimbar yang mempunyai dua pelantar bagi memudahkan pembinaan anak tangga yang banyak menuju ke atas mimbar. Oleh itu dapat dilihat kepelbagaian reka bentuk mimbar selain empat segi tepat.

Keunikan pada reka bentuk mimbar masjid Terengganu diperhalusi lagi dengan keindahan ukiran pada setiap ruang dan sudut di permukaan

mimbar.Keindahan ukiran tersebut dapat dilihat pada teknik tebuk tembus dan tebuk timbul yang memperkayakan lagi seni kearifan pertukangan kayu masyarakat Melayu. Kehebatan ukiran pada permukaan mimbar melahirkan satu seni bina yang bukan sahaja cantik pada reka bentuk tetapi berfungsi dengan baik. Ia dipengaruhi oleh faktor-faktor lain dari segi geografi, budaya tempatan dan teknologi. Setiap ukiran yang diukir pada permukaan reka bentuk mimbar dihiasi dengan saiz, corak dan bentuk yang berbeza memberi seribu makna kepada kehalusan seni budaya bangsa.

Kajian Literasi

Mimbar mula digunakan ketika menjadi suatu kesukaran buat Nabi Muhammad S.A.W untuk terus kekal berdiri ketika menyampaikan khutbah kepada para makmum. Pada suatu hari datang seorang wanita daripada kalangan Anshar memberitahu anaknya seorang tukang kayu. Sehubungan itu beliau meminta kebenaran dari Rasulullah S.A.W bagi membuatnya sebuah tempat duduk diperkenankan oleh baginda bagi menyampaikan khutbah. Bermula dari permohonan tersebut maka lahirlah sebuah bangku buat baginda duduk ketika menyampaikan khutbah dengan lebih selesa.

Mimbar sesuatu binaan di masjid yang ditinggikan di mana khatib akan menyampaikan khutbah pada setiap hari Jumaat. Berada di sebelah kanan pada mihrab yang mana mimbar mula diperkenalkan oleh khalifah Abbasiyah pada abad ke 8. Merupakan struktur kayu yang disusun dengan beberapa langkah serta kaya dengan pelbagai ragam

hias pada keseluruhan mimbar. Permulaan mimbar hanya terdapat di Masjid Nabawi sahaja dan tiada pada masjid-masjid yang lain. Ia memberi kesan bahawa mimbar hanya boleh berada pada masjid rasmi di ibu kota. Ketika zaman Umar ibn Khattab, beliau melarang Amr ibn Al-Ash membina mimbar masjid Fusthath.

Ini menunjukkan pembinaan mimbar pada zaman tertentu ada yang mempunyai dan tiada mimbar. Namun begitu sejarah permulaan mimbar bermula dengan pembinaan masjid terlebih dahulu oleh Nabi Muhammad S.A.W di sebuah lapangan yang dilingkari oleh tembok. Hanya beralaskan tanah dan beratapkan langit sahaja serta pada ruangan tengah masjid yang mempunyai bumbung payung terbuka kini menjadi kebun kurma. Nabi memberi ceramah di hadapan makmum yang sentiasa memenuhi ruang masjid. Baginda akan berdiri di bahagian paling hadapan dengan bersandar pada sebatang pokok kurma pada sebelah kanan yang mana pada hari ini ia dikenali sebagai mihrab di dalam masjid. Jemaah yang semakin ramai memenuhi masjid nabi saban hari menjadikan makmum semakin jauh dari nabi hingga tidak dapat melihat wajah nabi dengan jelas. Para sahabat juga mendapati nabi keletihan berdiri lama hingga menyusul cadangan menghasilkan mimbar.

Di atas mimbar tersebut nabi dapat duduk berehat sambil menyampaikan khutbah. Manakala makmum gembira dapat melihat nabi dengan jelas memandangkan mimbar lebih tinggi dari mereka. Mimbar terletak di sebelah kanan mihrab dan mempunyai tangga untuk platform atas yang dihiasi dengan bumbung

yang berukiran cantik. Rasulullah S.A.W berada di kedudukan yang tinggi supaya para Jemaah yang datang dapat mendengar dengan jelas syarahan yang disampaikan oleh baginda. Ia mempunyai tiga anak tangga ketika zaman Rasulullah S.A.W di mana beliau akan duduk di bahagian paling teratas. Di sini menunjukkan mimbar mempunyai fungsi tertentu iaitu ia menjadi tempat khatib semasa memberi khutbah yang biasanya diadakan pada setiap kali solat Jumaat dijalankan. Kedudukan mimbar pada kebiasaannya terletak di bahagian kanan mihrab yang dibina daripada kayu ataupun konkrit.

Bagaimanapun terdapat juga mimbar yang dilengkapi dengan kubah kecil pada bahagian atasnya yang berbentuk lonjong mahupun bulat. Pada masa kini mimbar telah mengalami perubahan di mana bilangan anak tangga turut berubah dan tidak hanya mempunyai tiga sahaja. Dari segi falsafah pula mengatakan pembinaan mimbar ini sebagai 'komunikasi syurga'. Pada ketika dahulu mimbar menjadi salah satu perhiasan di dalam masjid yang paling banyak serta cantik bentuk dan ukirannya. Mimbar pada suatu ketika dahulu bukan sahaja dijadikan sebagai tempat berkhotbah sebelum mengerjakan solat Jumaat tetapi sebagai tempat atau menyampaikan ceramah agama. Turut digunakan oleh pemerintah sebagai ketua agama menyampaikan segala permasalahan negara melibatkan pelbagai aspek dan tidak terhad kepada agama sahaja. Di sini menunjukkan fungsi mimbar sangat besar dalam dunia Islam sebagai tempat menyebarkan ilmu dan dakwah.

Mimbar sebagai tempat penyampaian perihal orientasi Islam dan sebagai parlimen. Menjadi tempat permesyuaratan seluruh umat, dijadikan tempat berkumpul yang membolehkan umat saling berkenalan, kelab olahraga, tempat beraktiviti dan menjadi ruang organisasi informasi masyarakat. Ketika berlakunya fitnah kepada isteri nabi Aishah r.a, nabi menaiki mimbar dan bertanyakan hal yang melukainya selepas memuji Allah. Setelah berlaku pertelingkahan di antara kaum, nabi menuruni mimbar bagi meleraikan dan mendamaikan pergaduhan di antara mereka. Maka turun wahyu yang menjelaskan tentang pemfitnah bagi menjawab segala persoalan tentang hukuman bagi pemfitnah wanita terhormat. Di samping itu memberi jawapan kepada persoalan berkaitan perzinaan yang dilakukan kepada yang sudah menikah.

Teori Keindahan

Teori keindahan digunakan bagi menyampaikan sesuatu seni yang dihasilkan mengikut naluri manusia. Perkataan keindahan pula diambil daripada perkataan estetika yang berasal dari bahasa Yunani dikenali sebagai *Aesthetic*. Estetika merupakan pecahan dari epistemologi nilai falsafah yang mempunyai unsur halus dari segi sesuatu yang bersifat tersurat dan tersirat. Turut berkait rapat dengan kehidupan manusia melalui perasaan seperti keseronokan, keindahan dan kegembiraan yang menggambarkan sesuatu yang sangat bernilai dan bermanfaat dalam proses penghayatan, penikmatan dan penghayatan kepada penglihatan yang memukau. Secara jelasnya estetika memperjelaskan tentang nilai keindahan, naratif dan retorik nya.

Setiap karya memberi keindahan yang tersendiri yang mana turut dapat dihayati melalui keunikan pengalaman yang dilalui dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu keindahan dapat diperhalusi dengan sejelasnya melalui teori estetik yang di asas oleh Alexander Gottlieb Baumgarten (1714-1762) dan Kant, Immanuel (1724-1804). Baumgarten, mentakrifkan keindahan sebagai satu fenomena tentang kesempurnaan dan kepentingannya dalam pemikiran seni dengan meletakkan tekanan utama melalui pancaindera. Beliau mengembangkan keindahan sebagai satu sistem bagi menentukan sesuatu yang dapat dirasai sama ada baik atau buruk. Sementara Kant, berpendapat bahawa keindahan bukanlah bersifat semula jadi dari sesuatu seni tetapi ia muncul apabila pemerhati menghargai sesuatu kerja seni melalui imaginasi dan latar belakang peribadinya. Sementara Kant pula melihat keindahan sebagai asasnya dan fenomena eksklusif sensual sebagai membantah Baumgarten dengan mendefinisikan keindahan dengan lebih meluas dari kandungan sains mengikut persepsi sensual.

Teori Keindahan turut dikaji dan diikuti oleh anak murid Baumgarten iaitu Georg Friedrich Meier (1718-77) yang mana estetik seharusnya bersifat rasional, datang bersama logik dan lebih praktikal. Turut menghubungkan dengan isu-isu seperti antropologi, psikologi dan moral. Ia dapat dilihat dalam pembentangan pertama Kant berkaitan bahan estetik yang dinyatakan dalam pembentangan pertama beliau *‘observation on the feeling of the beautiful and sublime of*

1764' menggambarkan hubungan di antara rasa dengan kesempurnaan estetik dalam karya seni. August Hermann Francke (1663-1727) di dalam mempercayai estetik membolehkan seseorang merasai kasih dan sayang dari jiwa yang disucikan. Di mana kesan daripada orang suci tersebut direkodkan di dalam kitab bible. Namun begitu ia bukanlah sesuatu yang sesuai untuk setiap orang memandangkan ideologi agama setiap manusia adalah berbeza. Hanya mereka yang serius berusaha sahaja dapat mencapai estetik dan melakukannya. Sementara orang yang mempunyai pengalaman '*habitus of soul*' yang telah disucikan dan dikurniakan dengan kebijaksanaan Ilahi [9].

Keindahan di dalam Islam pula diambil dari perkataan yang terdapat pada asma'ul husnaa iaitu nama-nama Allah yang menggambarkan sifatnya. Meyakini bahawa konsep keindahan pada kesenian Islam merupakan suatu cara mendekati manusia kepada pencipta dengan mengingati dan mengakui kebesarannya. Turut menjadi cara kepada kepatuhan seorang hamba kepada Tuhannya dalam penghasilan karya seni. Keindahan tidak hanya bersifat lahiriah semata-mata tetapi turut bersifat batiniah yang melibatkan penggunaan akal dan kemampuan akal bagi mengetahui puncak keindahan. Keindahan di dalam Islam itu sendiri menunjukkan Allah sesuatu yang sangat Indah di mana turut sukakan keindahan. Sehubungan itu sudah menjadi lumrah di dalam kehidupan manusia yang inginkan dan sukakan kepada keindahan, kesempurnaan dan kebaikan. Nilai keindahan yang bersumberkan perasaan manusia bersifat sejagat membolehkan


penilaian tentang keindahan setiap orang tidak akan sama maksudnya.

Di dalam Islam keindahan atau estetika merupakan salah satu cabang daripada falsafah. Di mana perkataan 'falsafah' diambil daripada Bahasa Arab menjadi antara bidang ilmu yang paling terawal dalam proses ketamadunan manusia. Perkataan ini juga diperoleh hasil gabungan Bahasa Yunani iaitu *Philo* dan *Sophia* yang digabungkan membentuk *Philosophia*. Makna *Philo* adalah cinta dan *Sophia* pula bermakna hikmah dan kebenaran. Di dalam konsep Islam mengikut Al-Farabi menyatakan keindahan merupakan ilmu pengetahuan berkaitan alam supaya manusia dapat menyelidikinya. Sementara itu, keindahan di dalam seni dikenali sebagai *Al-Fann* yang bermakna dua atau alam yang terpisah jauh. Kedua-dua ini hanya mampu dihubungkan melalui proses yang dikenali sebagai *Aklliah*. Dimensi utama lebih bersifat transendental yang bermakna sifat ketuhanan yang tidak boleh dicapai melalui akal fikiran selagi hanya bergantung kepada ilmu logik dan pengalaman yang dilalui.

Alam Allah tidak boleh disamakan dengan alam kehidupan manusia menerusi apa cara sekalipun. Sementara *transendenta*' hanya boleh diperoleh melalui 'wahyu' iaitu kalam Allah. Manakala dimensi kedua merupakan 'alam zahir' yang mempunyai sifat rendah diri serta berpandukan alam ciptaan Allah. Kefahaman menurut dimensi ini dapat dihayati menggunakan pancaindera dan pengalaman dalam kehidupan seharian.

Pada bahagian ini diharuskan dalam proses menggambarkan bagi

sebarang perbandingan selagi tidak melanggar perintah Allah dengan melakukan kemungkarannya. Di sini menunjukkan *Al-Fann* bukanlah proses meniru secara kepada objek yang dilakarkan atau digambarkan. Ia diperhalusi melalui penggunaan akal fikiran yang waras. Di mana hasil dari gabungan dua dimensi tersebut akan terjadilah seni yang abstrak hasil daripada proses pengayaan atau pengubahsuaian bentuk asal. Rajah 1.1 menunjukkan model seni Islam yang digunakan dalam kajian ini memberi gambaran keindahan mengikut Al-Faruqi dalam penghasilan seni.



Rajah 1.1 : Model seni Islam menurut Al-Faruqi berpandukan gambaran karya seni Islam.

Sumber: Nanang Rizali (2012)

Rajah 1.1 di atas menunjukkan empat perhubungan di antara kesemua bulatan tersebut yang saling berkaitan dan digunakan di dalam kajian bagi memudahkan pentafsiran keindahan dijalankan. Di mana (i) merujuk kepada dasar tujuan seni dihasilkan, manakala (ii) pula melambangkan kepada penghasilan mahupun pembentukan idea seni. Manakala (iii) melibatkan kerja-kerja penciptaan seni dan (iv) hasil seni yang telah siap dihasilkan. Sehubungan itu setiap komponen ini saling berhubungan antara satu sama lain bermula dari awal sehingga terhasil sebuah seni. Komponen ini sangat penting dan saling berkaitan

di antara satu sama lain dalam pentafsiran keindahan pada kajian yang dijalankan.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan sebelum ini yang mempunyai kaitan dengan seni Islam Nanang Rizali (2012) dalam penulisannya 'kedudukan seni dalam Islam' yang mana seni adalah satu ekspresi kepada roh dan budaya kehidupan manusia yang bukan sahaja mengungkapkan tentang keindahan tetapi turut mengandungi keindahan. Bentuk seni juga dihiasi dengan landasan hikmah dan keagamaan kepada pencipta memberi penekanan kepada keindahan pada bentuk luar dan dalam.

Seperti yang disebut oleh Al-Faruqi, Islam memberi penekanan kepada sifat-sifat keindahan melalui pengungkapan tauhid meliputi abstraksi, struktur modular, kombinasi berturut-turut (*successive combination*), pengulangan dan kecenderungan dinamik. Proses abstrak melibatkan pembinaan motif ukiran yang mendapat ilham daripada alam semula jadi mahupun persekitaran para pengukir. Manakala struktur modular melibatkan penyusunan jenis-jenis motif dalam ruangan tertentu sehingga menghasilkan sebuah reka corak yang indah dipandang serta bersesuaian di letakkan pada tempatnya.

Gabungan hasil kerja yang berterusan menimbulkan nilai keindahan. Seterusnya proses pengulangan motif yang sama menimbulkan unsur irama dan pergerakan pada ukiran yang terdiri daripada ukiran timbul bersilat dan tidak bersilat. Sementara alunan

ukiran dari proses yang lengkap dan sempurna bermula dari penyusunan dan penggunaan motif menghasilkan pergerakan ukiran yang dinamik pada reka corak di permukaan mimbar. Kesenian Islam menurut Al-Faruqi dalam memberi penekanan kepada konsep keindahan yang dapat mengukuhkan kesedaran tentang kewujudan dan usaha menuruti perintah dan larangan Allah. Bersesuaian dengan seni peradaban Islam yang melihat keindahan berasaskan kepada Al-Quran.

Kesenian Islam juga dilihat dari segi nilai dan sifat yang terkandung dalam Al-Quran. Semakin mendalam seseorang mendalami makna kesenian Islam semakin mendalam dan kuat hubungan di antara manusia itu dengan pencipta. Ini kerana kesenian Islam menuju keindahan abadi serta pengabdian diri kepada Allah. Keindahan seni Islam pada ukiran kayu memberi makna yang terkandung pada motif, reka corak dan reka bentuk yang dihasilkan. Ia memberi makna dari sudut sosial budaya masyarakat Melayu yang penuh dengan kesenian dalam penghasilan sesuatu peralatan atau bahan yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

Kaedah Kajian

Bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji meliputi tentang penggunaan ukiran pada semua mimbar masjid di Terengganu menggunakan kajian deskriptif kualitatif. Kajian pada mimbar masjid di Terengganu memberi tumpuan pada jenis ukiran berserta dengan motif dan reka bentuk mimbar. Kajian berkaitan dengan penyelidikan deskriptif merupakan kajian pertanyaan dasar yang ingin

mengetahui sesuatu peristiwa yang berlaku. Penyelidikan deskriptif turut menggambarkan data dan ciri-ciri tentang populasi atau fenomena yang dikaji. Penyelidikan deskriptif menjawab soalan siapa, apa, di mana, bila, mengapa dan bagaimana. Penyelidikan deskriptif lebih meluas dan besar dimana ia lebih terperinci.

Ini kerana penumpuan bukan hanya pada permasalahannya sendiri sahaja tetapi dari segi pemboleh ubah (*variable*) lain yang secara tidak langsung berhubung dengan permasalahan tersebut. Pemboleh ubah (*variable*) tersebut akan dihuraikan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi permasalahan tersebut. Dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif ini ia melibatkan kaedah primer dan sekunder mengikut kesesuaian jenis kajian yang dijalankan. Metodologi kajian akan dihuraikan dengan lebih mendalam berdasarkan bentuk kajian dan tatacara dalam proses pengumpulan dan penganalisaan data yang diperoleh.

Data Analisa

Bentuk mimbar setiap masjid adalah berbeza begitu juga di seluruh tempat di dunia. Kebanyakannya kesenian dalam kepelbagaian bentuk dan gaya senibina ini bergantung kepada bentuk yang beraneka ragam. Perbezaan turut merangkumi perbezaan iklim sesebuah negara dan tempat. Penggunaan sesuatu bahan mentah yang terhad melahirkan kehebatan para seniman dan teknologi untuk digunakan pada ketika itu melalui pemikiran yang kreatif. Terdapat sebilangan reka bentuk mimbar mendapat pengaruh dari luar sama ada dari segi

penjajahan atau perkembangan agama yang dibawa ke sesuatu daerah tersebut. Sebarang pemilihan reka bentuk mimbar bergantung kepada permintaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). Seterusnya reka bentuk tersebut akan diberikan kepada pihak pengurusan dan seterusnya kepada pereka dan pengukir mimbar mengikut bentuk yang dipersetujui.

Reka bentuk yang sama pada sesuatu daerah dapat dilihat mempunyai persamaan bagi pembinaan tahun yang sama. Kebanyakan mimbar mempunyai saiz dan bentuk yang berbeza. Bergantung kepada keluasan dalam sesuatu masjid yang turut memainkan peranan penting dalam menentukan saiz sesuatu mimbar. Bagaimanapun terdapat perbezaan diantara mimbar dengan podium yang dapat dilihat pada masjid-masjid moden. Podium yang moden boleh dilihat pada Masjid Baru Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu. Namun begitu, podium tersebut masih diletakkan di tempat tinggi walaupun ia bukannya sebuah mimbar. Podium juga tidak mempunyai tangga dibandingkan dengan mimbar sekurangnya mempunyai tiga anak tangga.

Di samping itu, penggunaan bahan mentah menjadi satu daripada aspek penting kepada reka bentuk selain dari saiz. Apa yang dapat dilihat di sini reka bentuk mimbar baru Terengganu terbahagi kepada tiga bentuk terdiri daripada empat segi tepat, empat segi sama dan heksagon.



Gambar 1.1 : Mimbar Masjid Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu dibina dengan permukaan kaca menggantikan kayu. Pada ruangan hadapan dibina motif pada permukaan mozek. Sementara bahagian tepi dihiasi dengan ukiran jubin.

Namun begitu, bentuk empat segi sama lebih banyak dibina berbanding bentuk yang lain. Di samping bentuk keseluruhan mimbar tersebut, bentuk bumbung juga dapat dibahagikan kepada 2 bentuk yang terdiri daripada berbumbung dan tidak berbumbung. Mimbar yang mempunyai kubah yang dihiasi dengan bulan dan bintang pada penghujung bumbung dan bentuk cucur atap seperti rumah lama Melayu yang dipenuhi dengan ukiran tebus.

Oleh itu dapat dilihat dengan jelas unsur yang terdapat pada mimbar turut diadaptasi daripada senibina rumah Melayu tradisi yang kebiasaannya dihiasi dengan pelbagai jenis ukiran. Manakala tangga terletak pada pandangan depan dan sisi mimbar. Kebanyakannya berada di sisi kanan mimbar dibandingkan dengan mimbar terdahulu yang banyak dibina pada pandangan depan.

Reka bentuk mimbar seterusnya mempunyai empat tiang utama yang akan menampung keseluruhan bentuk mimbar. Pembentukan tiang menjadikan mimbar lebih stabil bagi

mimbar yang kecil atau besar. Tiang ini mampu melahirkan mimbar yang stabil dan kukuh. Selain daripada empat tiang utama tiang lain turut dibina bagi menampung binaan tangga yang akan menghubungkan dari tapak ke tempat khatib menyampaikan khutbah. Tiang pada bahagian tangga lebih halus dan rendah bertujuan menampung kedudukan mimbar. Bentuk mimbar di Terengganu juga mempunyai satu lapisan, dua dan tiga lapisan yang menjadi tapak atau ruang seakan beranda. Mimbar yang mempunyai dua dan tiga lapisan membolehkan khatib berehat sebentar sebelum sampai ke puncak. Mimbar yang mempunyai tiga lapisan lebih tinggi dan besar dibandingkan dengan mimbar satu lapisan yang lebih kecil.

Dapatan Kajian & Perbincangan

Sifat berhalus dapat dilihat pada keindahan ukiran melalui penzahiran motif-motif ukiran pada permukaan mimbar. Ukiran pada permukaan mimbar dapat dilihat pada pelbagai jenis reka bentuk yang indah, unik serta mengagumkan para pemerhati. Dapat dilihat pada makna berhalus itu sendiri dalam konteks kerja tangan menunjukkan sesuatu yang dilakukan penuh dengan ketelitian, rapi, cermat dan sempurna. Halus juga dapat dilihat pada benda-benda yang sangat kecil dan kelihatan sukar untuk dihasilkan. Sebagai contoh draf penulisan kertas kerja yang dihasilkan secara manual menggunakan tulisan tangan tidak mempunyai sebarang kesilapan ejaan. Di mana sesuatu yang terlalu kecil sudah pasti amat sukar dihasilkan menggunakan tenaga kerja tangan tanpa bantuan sumber teknologi moden. Begitu juga dalam

pembuatan ukiran yang bersaiz kecil serta halus binaannya hanya mampu dilakukan oleh mereka yang mempunyai ketinggian ilmu mengukir sahaja. Di samping itu disertai dengan pemikiran kreatif sebagai pengukir. Bagi mengupas makna berhalus dengan lebih mendalam, pengkaji menterjemahkan makna berhalus dalam pelbagai aspek mengikut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017). Berhalus merupakan kata terbitan yang diambil dari perkataan halus yang membawa banyak makna mengikut situasi yang berbeza seperti jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1: Maksud berhalus dalam pelbagai aspek kehidupan.

Bil.	Kontek lain Berhalus	Penerangan
i.	Kulit	Mempunyai kulit yang licin, gebu, lembut dan elok
ii	Kelakuan	Seorang yang bersopan, bersantun, beradab, tertib dan lemah lembut.
iii	Kerja	Membuat kerja yang sangat rapi, sempurna, kemas, teliti dan bagus.
iv	Sindiran	Secara tidak langsung, tidak berterus terang, berlapis dan beralas apabila berkata-kata kepada seseorang.
v.	Suara	Bunyian yang sangat lembut, lunak, merdu, gemersik dan indah.

Berdasarkan pengertian berhalus di dalam jadual di atas, pengkaji menghuraikan dengan teliti bagi mengaplikasikan makna berhalus seperti yang dimaksudkan kepada keindahan ukiran kayu pada mimbar. Aspek berhalus pada ukiran dapat diungkapkan dalam pembentukan motif dan reka corak. Keindahan pada motif yang dibina dilihat dihasilkan penuh dengan liuk lentok pergerakannya. Ukiran yang dihasilkan pada permukaan mimbar perlu dibina dengan teliti pada setiap bentuk daun, bunga mahupun batang supaya kelihatan nyata dan hidup (*realistic*). Ukiran tanpa kehalusan pada teknik pengukiran tidak akan menghasilkan ukiran yang indah apabila dilihat.

Pengukir seharusnya mempunyai semangat juang dan kesabaran yang cukup tinggi dalam menghasilkan sesuatu kerja tangan yang memerlukan ketekunan dan memakan masa yang tertentu. Kehalusan dilihat bukan pada luaran ukiran semata-mata tetapi pada aspek bentuk (*form aspect*) serta memberi penekanan dalaman (*content aspect*) dari segi kerohanian dan keagamaan. Dari segi aspek bentuk pembinaan motif mengikut kesesuaian reka letak supaya kelihatan seimbang dari segi saiz, bentuk, rupa dan kegunaan di sesuatu kawasan tertentu. Di sini memerlukan daya kreativiti yang sangat tinggi sebagai seorang pengukir yang berwibawa.

Sehubungan itu penyesuaian sesuatu motif dan bentuk juga perlu mengikut kehendak ajaran Islam. Oleh itu dapat dilihat motif berunsur binatang tidak digunakan kecuali telah di stailisasi atau ditukar bentuk abstrak supaya tidak menyamai bentuk asal binatang tersebut. Di sini

menunjukkan bukan sahaja berhalus dalam pemilihan bentuk apabila dilihat pada ukiran mimbar kesemua unsur berhalus yang digunakan menampakkan kesempurnaan terhadap sesuatu ukiran.

Dari segi penekanan dalaman dapat dilihat ukiran yang dibina lebih menjurus kepada keagamaan dari segi maknanya. Di mana setiap ukiran yang digunakan menggunakan motif berunsur alam sebagai rasa kesyukuran dan puji-pujian di atas nikmat kurniaan Allah kepada manusia. Di mana sifat manusia saling memerlukan di antara satu sama lain bahkan kaitan wujudnya alam tidak dapat dipertikaikan lagi. Alam sekitar seperti tumbuhan sangat penting dalam kehidupan manusia yang membekalkan sumber udara yang bersih.


Sehubungan itu kebanyakannya ukiran Melayu menggunakan sephohon pokok pada sesuatu reka letak ukiran. Para pengukir juga melengkapkan diri sebagai pengabdian kepada Allah dalam penghasilan ukiran di mana proses mengukir dimulai dengan bacaan بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Di samping itu akan melakukan kerja-kerja mengukir dengan menghadap ke arah kiblat. Merupakan perkara yang biasa dilakukan oleh para pengukir di dalam kerja harian mereka. Apa yang dapat dilihat bukan sahaja penekanan pada kerja yang ditekankan tetapi aspek dalaman pada pengukir turut terlibat.

Rajah 1.2 menunjukkan sifat berhalus yang ada pada ukiran badan mimbar. Setiap ukiran dilakar dengan penuh teliti, cermat, kecil dan rumit dapat dilihat pada ukiran mimbar masjid Gelugor Raja. Ukiran tersebut dibina

berasaskan tebuk timbul bersilat dihasilkan penuh ketekunan. Menimbulkan ukiran hidup apabila diperhalusi dengan urat-urat pada dedaunan. Maka dengan itu setiap lakaran motif yang dibina dilakarkan dengan penuh ketelitian supaya ukiran tersebut kelihatan lebih tiga dimensi dan hidup.

Corak-corak yang dihasilkan terlalu rumit kerana mempunyai saiz yang terlalu kecil pada bahagian bucu. Proses pengukiran hanya mampu dilakukan oleh para pengukir yang berpengalaman serta mempunyai sifat yang cermat dan tekun dalam menyiapkan ukiran. Ini kerana tanpa ketekunan yang tinggi diikuti dengan sifat sabar sesuatu ukiran yang berkualiti tidak dapat dicapai.

Penciptaan sesuatu ukiran perlu lahir bersama ilmu pengukiran Melayu Islam. Memandangkan ukiran bukan dibina mengikut cita rasa semata-mata tetapi setiap aspek dari segi pemilihan motif, komposisi dan sebagainya turut memainkan peranan penting dalam sesuatu karya



Rajah 1.2 : Ukiran pada bahagian badan mimbar masjid Gelugor Raja, Kuala Terengganu.

Di dalam kesenian Melayu berhalus merujuk kepada penggunaan bahan semula jadi sebagai bahan utama. Berhalus merupakan suatu bentuk proses kerohanian yang diambil dari alam semula jadi. Dari sudut aspek bentuk, ia terlihat kepada kemahiran membuat pilihan pada bentuk dan medium yang sesuai mengikut karya seni yang dihasilkan. Dilihat dari sifat-sifat ekstrinsik seni tradisional Melayu, kemahiran merujuk ke kesesuaian objek serta pilihan media. Sebagai contoh, tidak sesuai untuk melaksanakan ukiran pada rumah tradisional Melayu dengan menggunakan logam.

Ini akan menggambarkan sikap tidak sensitif terhadap sifat objek serta bahan. Sehubungan itu apa yang dapat dilihat pada ukiran mimbar adalah penggunaan bahan mentah iaitu kayu sepenuhnya tanpa bahan moden yang banyak digunakan pada masa kini seperti kaca, jubin dan batuan.

Penggunaan kayu yang merupakan bahan semula jadi kepada pembinaan mimbar memudahkan ukiran diolah dalam pelbagai bentuk ragam hias yang menarik. Setiap ragam hias pada permukaan mimbar dihasilkan menggunakan konsepimbangan simetri di mana setiap pandangan kiri kanan mempunyai rupa bentuk, motif dan corak yang sama. Pada kebiasaannya bentuk ukiran Melayu menggunakan dua struktur kerangka asas bagi menghasilkan motif yang terdiri daripada bentuk bulat dan *polygon*.

Aspek bentuk ukiran juga memberi penekanan kepada penggunaan unsur dan prinsip reka bentuk. Ia dapat dilihat pada penggunaan bentuk bulat. Merupakan bentuk yang


biasa dan selalu digunakan dalam pembinaan ukiran dibandingkan dengan bentuk lain seperti segi empat sama, segi empat tepat dan segi tiga. Bentuk asas dibina terlebih dahulu sebagai kerangka bagi memudahkan proses pembinaan motif ukiran supaya berada dalam bentuk simetri yang sama.

Ukiran tersebut dilakar dalam pelbagai saiz yang menjadi lambang kepada setiap saiz ukiran yang digunakan. Saiz yang lebih besar kebiasaannya diletakkan pada bahagian tengah ukiran dipanggil sebagai ukiran 'ibu'. Manakala kadar banding ukiran pada bahagian tepi lebih kecil dibandingkan dengan ukiran tengah dikenali sebagai ukiran anak.


Ukiran yang digunakan dapat dilihat pada pelbagai bentuk dan rupa seperti ukiran tebuk tembus, ukiran tebuk timbul yang bersilat dan tidak bersilat. Ukiran-ukiran ini pula dapat dibahagikan kepada lima jenis ukiran awan larat terdiri daripada Awan Larat Beribu, Awan Larat Boyan, Awan Larat Jawa, Awan Larat Khayalan dan Awan Larat Sorok Punca. Awan Larat Beribu merupakan jenis ragam hias yang bermula dari satu motif yang besar dikenali sebagai ibu yang akan berkembang menjadi motif anak.

Awan Larat Beribu paling banyak digunakan pada anggota kaki yang terletak pada bahagian perut. Ukiran ini dapat dilihat pada mimbar masjid di Kuala Terengganu pada tahun 2009 hingga 2014 iaitu Masjid Gelugur Raja, Masjid Kuala Bekah, Masjid Al-Muktafilillah Shah, Masjid As-Solihin dan Masjid Surau Haji Yaakob. Manakala di Setiu dapat dilihat pada mimbar masjid Rawai, Masjid Lubuk Kawah.

Di daerah Dungun pula Masjid Balai Besar, Masjid Felda Jerangau, Masjid Hadhari Paka, Masjid Sura Jeti dan Masjid Batu Dua Setengah. Manakala di Kemaman terdiri daripada Masjid Jamek Kijal, Masjid Kampung Semanyor, Masjid Kuala Kemaman, Masjid Padang Kubu dan Masjid Pengkalan Berangan. Sementara di Kuala Berang pula adalah Masjid Hadhari Tok Radok. Masjid di daerah Besut pula tiada sebarang penggunaan motif ibu pada ukiran mimbar.



Rajah 1.3 : Ukiran awan Larat Beribu yang menggunakan motif daun bayam peraksi, Masjid Kuala Bekah.



Rajah 1.4 : Ukiran Awan Larat Beribu yang menggunakan motif Bunga Cempaka, Masjid Al-Muktafilillah Shah.

Motif ini biasanya berada mengelilingi seluruh ruangan ukiran 'ibu' yang turut dikenali sebagai 'punca' atau 'benih' di dalam ukiran Melayu. Motif ukiran anak dihasilkan lebih kecil dari motif utama. Sementara Awan Larat Boyan merupakan jenis ragam hias yang terdiri daripada tumbuhan-tumbuhan yang bersulur sahaja. Awan Larat Jawa merupakan ragam hias yang berunsurkan kosmos dengan rupa bentuk awan yang sedang bergulung.

Sementara Awan Larat Khayalan pula sejenis ragam hias ukiran tanpa ciri tumbuhan sebenar yang diguna pakai dibandingkan dengan tumbuhan yang lain. Manakala Awan Larat Sorok Punca mempunyai ragam hias yang tidak menunjukkan puncanya di mana tidak diketahui permulaannya. Awan larat yang tersembunyi punca utama disebabkan motif lain tidak berkenaan telah memenuhi ruang ukiran.

Bagaimanapun falsafah awan larat ini memberi makna kepada kesenian ukir mimbar bahawa setiap kejadian pasti ada permulaan. Ukiran seringkali dikaitkan dengan kehidupan manusia supaya sentiasa dekat dengan pencipta di mana permulaan dan pengakhiran merujuk kepada kehidupan manusia bermula dengan kelahiran berakhir dengan kematian.

Dari segi aspek kandungan menunjukkan motif ibu awan larat menggambarkan seseorang yang sangat dihormati di dalam keluarga. Sikap menghormati sangat penting supaya dapat melahirkan generasi yang berbudi pekerti mulia. Sikap ini dapat mengelakkan pergaduhan dan perpecahan dalam sesebuah masyarakat apabila setiap orang memainkan peranan masing-masing.

Sikap menghormati turut diajar di dalam masyarakat Melayu yang memberi penekanan kepada golongan muda supaya menghormati golongan tua.

Penghormatan akan melahirkan masyarakat yang harmoni serta bertimbang rasa kerana sikap murni yang diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Bersesuaian dengan kehidupan yang pelbagai kaum, agama dan bangsa dalam menjalani kehidupan seharian.

Kesimpulan

Keindahan ukiran pada mimbar dapat dilihat pada susun atur motif-motif sama ada flora, fauna, geometrik dan arabes. Namun begitu motif flora telah digunakan sejak zaman dahulu hingga sekarang, Bertujuan mengekalkan identiti ukiran yang bermula dari pengolahan bunga, buah, pucuk, daun, batang dan sulur. Pengolahan lengkap pada sesuatu sudut ukiran mimbar diambil daripada sebatang pokok yang mana merangkumi keseluruhan aspek yang ada pada pokok itu.

Keindahan pada ukiran mempunyai falsafah disebaliknya di mana ia mempunyai makna yang tersirat dan tersurat. Ia menggambarkan sesuatu yang berlaku di dalam masyarakat yang boleh dijadikan sebagai pengajaran, pengalaman dan tauladan. Kesenian Melayu yang terkenal dengan budi bahasa memaparkan sesuatu yang berlaku melalui hasil kerja tangan. Setiap hasil kerja tangan ini digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

Bibliografi

- Adamec, L.W. (2017). *Historical Dictionary of Islam*. London: Published by Rowman & Littlefield.
- Ahmad, R. U. (2015). *Jejak-Jejak Islam : Kamus Sejarah Dan Peradaban Islam Dari Masa Ke Masa*. Yogyakarta: Penerbit Buyan.
- Ahmad, T. N. (2016). *Filsafat Ilmu: Hakikat Mencari Pengetahuan*. Yogyakarta: Depublish.
- Asima, N. S. (2015). *1001 Fakta Dahsyat Mukjizat Kota Makkah*. Jakarta: Lembar langit Indonesia.
- Azreena, A.B., & Nangkula, U. (2013). Motif-motif Ukiran Pada Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu. *Journal Design and Built* 6: 1-11.
- Doni, F. (2007). *Desain Taman Islami: Ramah, Indah dan Penuh Berkah*. Jakarta: Penerbit Hikmah.
- Dzul, H. M. Z. et al. (2007). *Ragam Hias Al-Quran di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Gliner, J.A., Morgan, G.A & Leech, N.L. (2009). *Research Methods in Applied Settings, Approach to Design and Analysis 2nd Edition*. New York : Routledge Tylor & Francis Group.
- Grote, S. (2017). *The Emergence of Modern Aesthetic Theory. Religion and Morality in Enlightenment Germany and Scotland*. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Gulo, W. (2002). *Metodologi Penelitian*. Jakarta: Gramedia Widiasarana.
- Haris, M.S.T., Sitepu, H.R.P, & H. Raymond, S.H. (2011). *Masjid Masjid Bersejarah di Jakarta*. Indonesia: Penerbit Erlangga.
- Harleny, A. A.(2014). *Perbandingan antara Ragam Hias Gunungan pada Mihrab dan Mimbar di Aceh dan di Tanah Melayu*. Tesis Dr. Fal. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasan, M. A. S. (1994). *Manhaj Ilmiah Islami*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Jalaluddin, R. (2009). *The Road to Muhammad*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Juliadi. (2007). *Masjid Agung Banten: Nafas sejarah dan budaya*. Yogyakarta: Ombak.
- Mana, S.(2013). *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Bahasa Malaysia*.
- Mohamed, A. A. R. (2007). *Falsafah Seni dan estetik: Kajian Perbandingan Estetik Islam Timur dan Barat*. Selangor: Universiti Teknologi MARA.
- Nanang, R. (2012). Kedudukan seni dalam Islam. *Jurnal Kajian Seni Budaya Islam* 1: (1-8).
- Nang, N. N. D., & Nur, M. R. (2014). Seni bina Masjid dalam Islam. *Jurnal Al-Muqaddimah* 2:(39-47).
- Nurkhasilah, I. (2013). Aspect of Malay Aesthetics in Syed Ahmad Jamal Artworks. *Prosiding Seminar*

Penyelidikan Pemikiran & Kepimpinan Melayu (hlm. 58-67).

Nuzzo, A. (2005). *Kant and the unity of reason*. New York: Purdue University Press series in the history of philosophy.

Palmer, A.L. (2011). *Historical Dictionary of Neoclassical Art and Architecture*. United Kingdom: Scarecrow Press.

Radwa, A. O. A. S. (2013). *Reflection of Technology on the Inherited Conceptual Design of mosques*. Tesis Sarjana, Jabatan Seni Bina, Ain Shams University.

Seyyed, H. N. (2007). *The Garden of Truth*. New York: HarperCollins Publishers.

Siti, Z. I. (1985). *Cetakan Jalur dan Warna*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Yusuf, A. Q. (2000). *Tuntutan Membangun Masjid*. Terj. Jakarta: Gema Insani Press.




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001